

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (46)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2012-2013)
BILANGAN 4 TAHUN 2013**

Tarikh	: 25 April 2013 (Khamis)
Masa	: 10.30 Pagi – 12.30 Tengahari
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Video Korporat

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 8 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Mac dan April 2013.

2.2 Video Sempena 100 hari Datin Paduka Alinah binti Ahmad sebagai Datuk Bandar, MBPJ

Tayangan video sempena 100 hari Datin Paduka Alinah binti Ahmad sebagai Datuk Bandar, MBPJ daripada Jabatan Perancangan Pembangunan mengambil masa selama 6 minit.



3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya di dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Beliau bersama warga kerja MBPJ akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk Petaling Jaya. Bersesuaian dengan aspirasi dan kehendak warga Petaling Jaya, komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan di antara satu sama lain adalah elemen penting yang perlu dikehodapkan.
- 3.2 Beliau menyatakan bahawa pada 12 April yang lalu, genap 100 hari beliau berada di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Beliau mengimbas semasa ucapan beliau di majlis penerimaan tugas pada 2 Januari 2013, di mana beliau telah menyatakan hasrat agar Petaling Jaya dirancang dan dibangunkan sebagai bandaraya berdayahuni (livable) dan dicintai (lovable), mesra dari segi fizikal, sosial dan spiritual serta hijau, bersih dan nyaman. Warga kerja MBPJ hendaklah bekerjasama sebagai satu pasukan, berkongsi nilai dan tanggungjawab. Kaktangan teknikal harus mampu menyediakan konsep dan pelan rekabentuk mengikut bidang. Seperti yang ditunjukkan di dalam video sebentar tadi, jabatan-jabatan teknikal di atas inisiatif Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan telah memulakan perancangan untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai bandaraya berdaya huni dan dicintai di mana pelan konsep dan rekabentuk projek telah disediakan sendiri oleh pasukan teknikal yang diurussetiakan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan dianggotai oleh semua jabatan teknikal iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar dan Unit Pusat Setempat (OSC).
- 3.3 Projek-projek pembangunan seperti yang dibentangkan tadi akan disediakan BQ berdasarkan pelan konsep dan rekabentuk yang telah disediakan. Beliau menekankan perkara ini kerana pendekatan ini bukan sahaja membolehkan jabatan-jabatan teknikal Majlis menjadi lebih professional di dalam tugas-tugas mereka tetapi juga akan dapat memastikan '*cost efficiency project*' dan '*value for money*' di dalam usaha untuk menyediakan projek pembangunan yang terbaik kepada masyarakat Petaling Jaya.

- 3.4 Beliau memohon persetujuan semua Ahli Majlis untuk meneruskan projek-projek yang telah disediakan pelan konsep dan rekabentuk termasuk strategi pembangunan guna tanah berdasarkan TOD sebagai satu usaha yang serius daripada pihak Majlis untuk menangani masalah kesesakan lalulintas di kawasan Petaling Jaya. Melalui pembangunan secara TOD, pembangunan akan ditumpukan di kawasan 400 meter daripada stesen LRT, MRT dan Komuter. Pembangunan komersil dengan nisbah plot 1:6 dibenarkan dengan pematuhan syarat-syarat yang ketat dari segi penyediaan ‘feeder service’, penyediaan ‘escalator’ atau laluan pejalan kaki berbumbung ke stesen pengangkutan awam. Selain daripada syarat-syarat penyediaan kawasan hijau dan landskap, caj tempat letak kereta mengikut kadar Majlis serta lain-lain kemudahan sosial yang ditetapkan. Pemaju juga dikehendaki menyediakan kawasan lapang dan landskap yang berfungsi melebihi keperluan minima yang ditetapkan sebanyak 15%. Bagi memperolehi markah penuh bonus di bawah kategori bangunan hijau, bangunan yang dicadangkan hendaklah mendapat pengiktirafan ‘gold’ atau ‘platinum’.
- 3.5 Di dalam usaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kepakaran yang berterusan, Pasukan Teknikal (Technical Team) ini akan diberikan pendedahan kepada konsep-konsep baru perancangan dan pembangunan melalui sesi latihan, bengkel dan lawatan-lawatan untuk melihat ‘best practices’ agar pengetahuan baru ini akan dapat diaplikasikan di kawasan Petaling Jaya.
- 3.6 Beliau menyeru supaya warga MBPJ akan sentiasa bekerjasama dan meningkatkan komitmen di dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti di dalam memenuhi aspirasi penduduk Petaling Jaya.
- 3.7 Bagi Penggal Pertama Tahun 2013, Jawatankuasa OSC Majlis telah meluluskan sebanyak 43 kelulusan pembangunan, termasuk 17 buah projek pembangunan berbentuk skim dan 26 kelulusan bagi perumahan sesebuah pada Penggal Pertama Tahun 2013. Jumlah keseluruhan *Gross Development Value* (GDV) bagi projek tersebut adalah dianggarkan sejumlah RM5.37 Billion dan *Gross Development Cost* pula adalah RM4.35 Billion, iaitu hampir 48% daripada jumlah GDV bagi projek yang diluluskan berbanding tahun 2012. Ini menunjukkan kemungkinan besar GDV projek akan mencatat pencapaian yang lebih tinggi menjelang penghujung tahun 2013.

Prestasi yang kukuh ini menunjukkan bahawa pasaran hartanah adalah masih aktif dan sejajar dengan ekspektasi yang dihasratkan dalam Laporan Pasaran Hartanah Tahun 2012 dilancarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia baru-baru ini. Laporan tersebut menganggarkan permintaan ke atas sektor perumahan terutamanya jenis rumah mampu milik di Lembah Klang akan kekal tinggi bagi tahun 2013. Seiring itu, lebih banyak unit-unit perumahan dengan harga dalam lingkungan mampu milik akan ditawarkan di kawasan Petaling Jaya dan kemungkinan besar kemudahan minima saja akan disediakan. Jabatan-Jabatan Teknikal harus menilai aliran semasa pasaran tersebut dan memastikan aspirasi penduduk dipenuhi demi gaya hidup berkualiti tidak akan terjejas dengan kemudahan sosial yang berkurangan.

- 3.8 Pada 22hb April setiap tahun, warga dunia akan menyambut *Earth Day* sebagai mengenang jasa Bumi dan betapa pentingnya kita memelihara alam semulajadi demi *survival* manusia. Pada tahun ini tema sambutan adalah *The Face of Climate Change*, iaitu satu peringatan kepada insan tentang impak perubahan iklim yang telah mengubah rupa muka Bumi. Misalnya corak tanah lautan berubah akibat tsunami, keluasan tanah pertanian diperkecilkan kerana kemarau yang menyebabkan tanah tidak sesuai lagi untuk cucuk tanam dan liputan alam hijau yang meleset kerana proses urbanisasi yang pesat.

Seiring itu, keberkesanan dalam menggunakan sumber yang *non-renewable* hendaklah dipertingkatkan, mencungkil lebih banyak sumber tenaga diperbaharui, konsep 3R diperhalusi dan proses urbanisasi yang *compact and efficient* hendaklah diamalkan. Justeru itu, beliau ingin mengingatkan semua ahli mesyuarat ketika memberikan pertimbangan permohonan pembangunan, bukan saja faktor ekonomi seperti *gross development value, return of investment or gross domestic productivity* diberi perhatian tetapi faktor sosial dan alam sekitar diberi fokus juga. Harapan beliau adalah satu hari kelak permohonan pembangunan juga dinilai dari segi kesannya ke atas *Gross Happiness Index, Sustainability Index or Carbon Footprint*.

- 3.9 Selaras dengan inisiatif menjadikan bandaraya Petaling Jaya sebuah bandar raya hijau berkarbon rendah, MBPJ meneruskan Kempen Rebat Cukai Taksiran Rumah Mesra Alam Hijau. Penganjuran yang telah memasuki tahun ke-3 ini, bertujuan mempromosikan gaya hidup penduduk yang mesra alam hijau. Program ini adalah salah satu program di bawah inisiatif *Low Carbon Green City of Petaling Jaya*.

Rebat cukai taksiran ini ditawarkan kepada pemilik rumah yang telah mengambil inisiatif menjadikan bangunan kediaman mereka mesra alam hijau dari aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa buangan, pengangkutan dan inisiatif lain.

Pemilik individu yang layak akan menerima 100% rebat cukai taksiran ataupun RM500, mana yang lebih rendah dalam bentuk debit ke dalam akaun cukai mereka bagi tahun 2014.

Bagi tahun 2012, sebanyak 71 permohonan telah diterima berbanding dengan 49 permohonan pada tahun 2011. Pada tahun 2012 juga, Majlis turut menerima sambutan memberangsangkan daripada pemilik rumah pangsa / kondominium sebanyak 12 permohonan berbanding hanya satu permohonan saja yang diterima pada tahun 2011. Seramai 15 orang pemilik kediaman telah menerima rebat 100%, iaitu peningkatan 13% berbanding dengan tahun 2011.

Dalam pada itu, sejumlah RM 20,159.25 telah dibayar berbanding dengan RM 18,184.43 bagi tahun 2011. Pada tahun 2013, Majlis lebih memberi fokus kepada pemilik rumah pangsa / kondominium dan dijangka sambutan daripada mereka akan meningkat.

Penyertaan skim ini adalah terbuka kepada semua pemilik kediaman sama ada yang pernah menyertai sebelum ini atau yang pertama kali. Pada tahun ini juga, penilaian yang dibuat akan lebih menjurus kepada perubahan sikap pemilik kediaman hasil daripada penyertaan mereka yang terdahulu.

Menerusi skim rebat ini, beliau berharap lebih ramai pemilik rumah kediaman akan memasukkan elemen mesra alam hijau dan mampan dalam kediaman mereka. Secara kolektif, usaha tersebut akan dapat memajukan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah.

Komitmen Majlis untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah bandaraya hijau berkarbon rendah dapat dilihat melalui program – program yang telah diperkenalkan sebelum ini seperti meletak kereta percuma bagi kereta hybrid, pemasangan lampu LED secara percuma, pengumpulan minyak masak terpakai dan yang terbaru adalah projek perintis pengkomposan sisa organik di Pasar Jalan Othman, Seksyen 1, Petaling Jaya.

Usaha Majlis masih diteruskan lagi dengan program-program baru yang akan dilaksanakan seperti menjalankan “retrofitting” kepada Ibupejabat MBPJ agar menjadi lebih cekap tenaga dan mesra alam. Selain itu, Majlis turut merancang mengadakan kerjasama dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) bagi kajian pengurusan sisa buangan di Petaling Jaya serta mengadakan program *green tour* bertujuan untuk memperkenalkan dan mempromosikan cara hidup yang MAMPAN yang terdapat di Petaling Jaya.

- 3.10 Untuk membolehkan Ahli Majlis maklum tentang status pelaksanaan projek yang telah diluluskan di bawah zon masing-masing, Jawatankuasa Pemantauan Projek telah ditubuhkan, yang dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis dan jabatan-jabatan teknikal, yang telah mula bermesyuarat mulai awal April 2013. Jawatankuasa ini bertujuan untuk memantau dan memastikan pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak Majlis memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini juga berperanan untuk membantu Majlis bagi memastikan spesifikasi kerja di tapak adalah mengikut spesifikasi yang telah didokumenkan serta memantau pelaksanaan projek di tapak.

Pemantauan ini telah dibahagikan mengikut kawasan parlimen bagi memastikan setiap projek dapat dipantau dengan lebih jelas seperti berikut:-

- Petaling Jaya Utara
- Petaling Jaya Selatan
- Subang
- Kelana Jaya

Maklumat tender dan sebutharga dari Januari 2013 hingga 22 April 2013 adalah seperti berikut:-

1. Tender dilantik - 13 tajuk
2. Sebutharga dilantik - 82 tajuk

- 3.11 Dari segi keselamatan penduduk, Majlis telah melancarkan program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya secara rasminya pada 28 Julai 2011. Program ini adalah merupakan inisiatif MBPJ ke arah menggalakkan penglibatan Persatuan Penduduk dan Rukun Tetangga menubuhkan dan mengaktifkan “Community Policing” di kawasan kejiranan mereka. Penubuhannya bertujuan untuk meningkatkan program rondaan keselamatan, agensi terlibat, meningkatkan kesedaran berhubung keselamatan di kalangan penduduk dan meningkatkan hubungan perpaduan yang baik dan semangat berpasukan di kalangan penduduk.

BIL	TAHUN	JUMLAH PERMOHONAN
1	2011	65
2	2012	72
3	2013 (Setakat April)	45

Secara keseluruhannya, Program Pasukan Keselamatan Kejiranan ini telah menunjukkan peningkatan yang amat ketara dan menyeluruh di dalam mencapai matlamat penubuhan dengan pelbagai inisiatif yang telah dilakukan oleh MBPJ. Ia dapat digambarkan melalui peningkatan jumlah permohonan sebanyak 10.76%. Kesan pelaksanaan secara tidak langsung melibatkan jumlah penyertaan program Skim Rondaan Sukarela (SRS) oleh Rukun Tetangga di seluruh kawasan MBPJ telah meningkat sebanyak 13.79% pada tahun 2012 (Sumber Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Negeri Selangor).

Selaras dengan pencapaian cemerlang LA 21 PJ sebagai bandaraya peneraju, jumlah penyertaan penduduk melalui program ini menampakkan hasil yang begitu ketara dengan kenaikan 27.51% secara puratanya. Seiring dengan arus pembangunan Petaling Jaya sebagai sebuah Bandaraya ‘Peneraju, Dinamik Dan Lestari’. Analisa dan laporan penuh kesan pelaksanaannya akan dibentangkan di dalam mesyuarat Khas hari ini.

- 3.12 Isu lain yang sentiasa dibangkitkan oleh penduduk ialah keadaan lalulintas di sekitar kawasan Petaling Jaya. Ianya masih lagi terkawal dan kesesakan didapati berlaku di beberapa lokasi kritikal seperti di persimpangan berlampau isyarat dan bulatan trafik dan laluan yang bersambung ke lebuhraya.

Majlis telah menjalankan kajian impak lalulintas dan pengangkutan dan berdasarkan kepada kajian tersebut menunjukkan beberapa kawasan mengalami masalah kesesakan lalulintas yang tinggi. Antara kawasan-kawasan tersebut melibatkan kawasan Bandar Sri Damansara, Mutiara Damansara, Damansara Utama, Seksyen 1, Taman SEA dan SS 2 & 3, Taman Megah, Sungai Way, Kelana Jaya, PJS 1 & PJS 8 dan sepanjang Lebuhraya SPRINT.

Punca utama berlakunya kesesakan di kawasan-kawasan ini adalah disebabkan oleh penjanaan trafik yang tinggi dari kenderaan persendirian samada dari kawasan padat penduduk ataupun dari pemandu luar yang sering menjadikan beberapa jalan-jalan utama di Petaling Jaya sebagai jalan pintas.

Majlis telah mengenalpasti masalah-masalah ini dan sedang dalam proses merangka projek-projek menaiktaraf kemudahan infrastruktur yang antaranya melibatkan projek menaiktaraf Persimpangan Persiaran Surian – Persiaran Mahogani, perlebaran jalan sepanjang Persiaran Surian, menaiktaraf bulatan Othman kepada persimpangan berlampau isyarat, mengsehalakan Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Barat dan Jalan Sultan, menukar fasa sistem lampu isyarat dari 4 fasa kepada 2 fasa di persimpangan LDP – NPE yang akan dilaksanakan oleh Syarikat konsesi Lebuhraya Baru Pantai dan beberapa projek lain.

Majlis juga sedang merancang untuk menambah kemudahan tempat letak kereta di bawah kawasan rentis elektrik bagi menampung kerperluan tempat letak kereta di pusat-pusat bandar khususnya di Seksyen 52 Petaling Jaya.

Selain itu, orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam sebagai mod pengangkutan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas yang berlaku. Dengan pengurangan penggunaan kenderaan persendirian, masalah kesesakan secara langsung dapat dikurangkan. Bagi galakan kepada orang awam bertukar mod pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam, Kerajaan Persekutuan sedang giat menjalankan projek-projek mengadakan laluan baru MRT, sambungan laluan LRT, penambahan koc komuter, menaiktaraf stesen-stesen komuter sedia ada dan projek BRT di sepanjang Lebuhraya Persekutuan. Selain itu, penambahan kepada sistem “bus feeder” dan kemudahan tempat letak kereta juga akan dirancang bersekali dengan projek-projek besar di atas.

Dengan inisiatif-inisiatif di atas dijangka sedikit sebanyak dapat meredakan kesesakan lalulintas di kawasan Petaling Jaya.

- 3.13 Satu lagi perkara di mana Majlis akan terus memberi perhatian serius ialah kepada perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan kawasan. Sehubungan itu, Majlis akan melaksanakan penambahbaikan dari segi skop kerja pengawas yang membuat pemantauan terhadap prestasi kontraktor, di mana pengawas Majlis akan memantau kutipan semua jenis sampah dan pembersihan kawasan mengikut zon yang telah ditetapkan. Pelaksanaan kaedah pemantauan ini akan dilaksanakan pada bulan Mei ini. Dengan pendekatan ini, Majlis akan lebih mudah membuat pemantauan dan pengesahan prestasi kontraktor mengikut kawasan perkhidmatan mereka.

Dalam masa yang sama, program turun padang Ahli-ahli Majlis di zon masing-masing bersama jabatan-jabatan yang terlibat secara khusus dengan perkhidmatan asas Majlis seperti Jabatan Kesihatan Persekutaran, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar serta Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan hendaklah diteruskan. Unit Aduan Awam yang menjadi urusetia bagi program ini hendaklah menyediakan jadual lawatan pemantauan mengikut zon dan laporan program dan tindakan hendaklah disediakan. Amat penting bagi kita memberikan tumpuan berterusan kepada aspek penyelenggaraan infrastuktur dan kemudahan asas secara berjadual untuk keselesaan rakyat dan ini boleh mengurangkan rungutan dan aduan masyarakat.

- 3.14 Dalam kesibukan menghadapi pilihanraya umum ke-13, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meminta agar semua parti-parti politik dan calon yang bertanding mematuhi tata etika pilihanraya supaya perkara-perkara yang tidak diingini dapat dibendung.

Majlis berharap supaya semua pihak yang terlibat dapat memberikan kerjasama mengenai perkara ini dan memastikan kempen dilakukan secara beretika dan harmoni.

Akhir sekali beliau mengucapkan Selamat Berkempen dan Selamat Mengundi kepada rakyat Malaysia amnya dan warga Petaling Jaya khususnya.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 3 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)

- 4.1 Minit Mesuarat Majlis bilangan 3 Tahun 2013 bertarikh 28 Mac 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.



5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 3 TAHUN 2013
BERTARIKH 28 MAC 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
6.4	CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 12 MAC 2013. - Cadangan Encik Richard Yeoh Wong Woi berkaitan penyediaan lintasan pejalan kaki di Seksyen 13 yang tidak diluluskan di dalam Mesyuarat Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas.	Berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas Bil. 8, bertarikh 12 Disember 2012, mesyuarat membuat keputusan dan bersetuju dengan: a) Cadangan membina jejantas pejalan kaki di kawasan tersebut disegerakan dan kos pembinaan hendaklah di bagi sama rata di antara Majlis dan Syarikat Dutch Lady Milk Industries Sdn. Bhd. Atau: b) Syarikat Dutch Lady Milk Industries Sdn. Bhd. membiayai sepenuhnya kos pembinaan jejantas ini.

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
		<p>Jabatan Kejuruteraan telah menghantar surat keputusan mesyuarat tersebut kepada pihak Dutch Lady Milk Industries Berhad pada 16 Januari 2013 dan Jabatan telah menerima surat jawapan daripada pihak Dutch Lady Milk Industries Berhad pada 18 Mac 2013 di mana pihak pengurusan Syarikat Dutch Lady Milk Industries Berhad telah bersetuju untuk berkongsi kos pembinaan jejantas pejalan kaki dengan pihak Majlis. Pihak syarikat tersebut juga bersedia untuk bekerjasama dan berbincang dengan pihak majlis untuk urusan pembiayaan kos dan perbincangan lain-lainnya.</p> <p>Jabatan Kejuruteraan akan membincangkan keputusan ini kedalam mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Penasihat Lalulintas yang akan diadakan pada bulan Mei 2013.</p>
7.3.3	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG <ul style="list-style-type: none">- Timbalan Pengarah Teknologi Maklumat diminta untuk memaklumkan projek WIFI Selangor di dalam laman web MBPJ.	Senarai lokasi pemasangan bagi Projek WiFi Selangor (Geran Selangorku) telah dimasukkan di dalam laman web MBPJ. Projek ini adalah di bawah kendalian Bahagian Teknologi Maklumat Selangor.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BERTARIKH 5 APRIL 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/12 JLD. 2 (81)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan: Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 8 APRIL 2013 DAN 22 APRIL 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (64)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (67)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 8 APRIL 2013 DAN 22 APRIL 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (102)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (104)]**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Jurukur Bahan, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 10 APRIL 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (95)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

- 6.5 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 APRIL 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (54)]

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

- 6.6 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 APRIL 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 2 (09)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan: Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekitaran, MBPJ.

- 6.7 **CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 16 APRIL 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 (66)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

- 6.8 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 23 APRIL 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (59)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T ANTHONY**

- 7.1.1 Beliau memaklumkan bahawa semasa membuat rondaan kerana dilantik sebagai Pasukan Kawalan Pilihanraya, didapati banyak ‘billboard’ didirikan oleh calon-calon pilihanraya. Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar MBPJ dapat mengeluarkan permit sementara untuk struktur tersebut.
- 7.1.2 YBhg. Datuk Pengurus telah memaklumkan perkara ini semasa penamaan calon di mana semua calon perlu mengikuti peraturan yang telah ditetapkan oleh SPR seperti saiz papan iklan adalah 2” x 4”. Dalam masa yang sama Majlis akan menurunkan bendera atau ‘billboard’ yang tidak mengikut standard yang diberikan serta mengancam keselamatan orang awam.

Tindakan : Makluman.

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TERENCE TAN TECK SENG

- 7.2.1 Beliau mengucapkan syabas kepada anggota penguatkuasa yang telah bertungkus lumus mengambil tindakan ke atas iklan-iklan yang tidak menepati peraturan Majlis.

Selain daripada itu, beliau meminta agar Majlis memantau pemasangan bendera parti di jejantas yang boleh membahayakan keselamatan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK ANTHONY SIVA BALAN A/L THANASAYAN

- 7.3.1 Beliau mencadangkan agar bas komuniti digunakan untuk mengambil pengundi-pengundi ke tempat pembuangan undi tanda mengira Parti. Selain daripada itu, pengundi-pengundi yang menaiki bas komuniti tersebut tidak boleh membawa bendera parti masing-masing atau apa-apa peralatan untuk berkempen.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

7.4.1 Beliau mengulas berkaitan video sempena 100 hari Datuk Bandar yang memaparkan bandaraya bistari dan berkonsepkan green city/liveable city. Akan tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya di mana Petaling Jaya tetap dengan masalah banjir dan landskap yang tidak menarik sebagaimana gambaran. Selain daripada itu beliau turut menegur jabatan-jabatan di MBPJ agar tidak membazir dalam menyediakan laporan berwarna di masa akan datang.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

7.5.1 Beliau membangkitkan isu berkaitan masalah sampah di Petaling Jaya yang wajar diambil perhatian segera. MBPJ perlu menumpukkan kutipan sampah kawasan-kawasan padat seperti Desa Mentari, PJS bagi meningkatkan imej majlis.

7.5.2 YBhg. Datuk Bandar memaklumkan petugas sampah di Petaling Jaya telah bertungkus lumus untuk menyelesaikan masalah ini di mana sampah-sampah dikutip 2 hari sekali dan bagi kawasan-kawasan padat kutipan sampah dibuat 2 kali sehari. Beliau berharap agar pemasangan CCTV dapat dibuat bagi memantau orang awam yang membuang sampah di merata-rata tempat dan seterusnya tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ, Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat), MBPJ.

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.6.1 Beliau membangkitkan isu keselamatan di mana beliau berharap agar permohonan polis bantuan diluluskan bagi membantu mengawal keselamatan penduduk Petaling Jaya. Anggota Penguatkuasa tidak diberikan kuasa untuk menahan kad pengenalan orang awam dan perkara ini boleh dibuat oleh Polis Bantuan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.



7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH CIK TIEW WAY KENG

- 7.7.1 Majlis telah bertungkus lumus untuk menangani isu di Petaling Jaya seperti isu keselamatan dan isu kenderaan yang sepatutnya ditangani oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu beliau berharap agar Majlis menghantar surat kepada Kerajaan Persekutuan bagi tindakan ke atas dua perkara di atas. Yang paling utama adalah keselamatan penduduk dan keselesaan penduduk untuk menikmati kemudahan awam yang sepatutnya disediakan seperti kenderaan awam. Beliau turut mengucapkan syabas kepada MBPJ kerana telah menyediakan bas komuniti untuk kegunaan semua penduduk Petaling Jaya.
- 7.7.2 Akhirnya sebagai Ahli Majlis, MBPJ beliau meminta maaf dan mengucapkan penghargaan dan syabas di atas kejayaan Petaling Jaya sepanjang Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah.

Tindakan : Makluman.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.53 pagi. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas ucapan penangguhan dan meminta agar Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan membuat 'follow up' berkaitan isu polis bantuan yang tidak diluluskan.



(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 24 April 2013



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ. | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ. | | |
| 03. | Cik Tiew Way Keng,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 04. | Tuan Haji Ghazali bin Shaari,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 05. | Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 06. | Encik Richard Yeoh Yong Woi,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 07. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 08. | Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 09. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 10. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 11. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 12. | Encik Kandeah,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 13. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |
| 14. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ. | | |



SULIT

15. Puan Norliana binti Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Tuan Haji Ahmat Mohayen bin Haji Said,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Hajah Sa'diyah binti Khasiman,
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Haji Cheremi bin Tarman,
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.



SULIT

08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah,
Jabatan Landskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ.
09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah,
Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ.
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,
Pengarah (Undang-undang),
Unit Perundangan, MBPJ.
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam),
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam,
Unit Audit Dalam, MBPJ.
14. YM. Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam,
Unit Aduan Awam, MBPJ.
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ.
18. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Timbalan Pengarah (Sumber Manusia),
Bahagian Sumber Manusia, MBPJ.
19. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan),
Bahagian Pelesenan, MBPJ.



SULIT

20. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
21. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat),
Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.
22. Puan Zainun binti Zakaria,
Pegawai Perhubungan Awam,
Unit Perhubungan Awam, MBPJ.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Cik Sharifah Nur Armina binti Syed Abdul Razak,
Setiausaha Pejabat,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

